

Demografi Remaja Wanita Bermasalah: Kajian Analisis Terhadap Penghuni Dua Pusat Bimbingan, Raudhatus Sakinah Dan Dar As-Sa'adah

NURUL BADRIYAH BINTI ALI¹,
UMMI FARHAH BINTI USMAN AGUNG²,
SITI HAWA AHMAD³

ABSTRAK

Umum mengetahui bahawa keruntuhan akhlak remaja mempunyai hubungan rapat dengan demografi remaja itu sendiri dan demografi ibu bapa mereka. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis demografi tersebut bagi meneliti ciri-ciri penghuni rumah pemulihan akhlak sekaligus mengetahui ciri-ciri kebanyakan remaja yang terlibat dengan masalah salahlaku, sebagai salah satu langkah untuk membendung keruntuhan akhlak daripada terus berlaku. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan metode lapangan. Hasil kajian dianalisis menggunakan sistem SPSS22 dengan menggunakan pengiraan kekerapan melalui kadar peratusan. Kajian ini dibataskan kepada dua pusat bimbingan remaja wanita, Raudhatus Sakinah dan Dar As-Saadah pada tahun 2013 dan 2014, dengan jumlah responden seramai 108 orang. Kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian; pertama: demografi responden, kedua: demografi ibu bapa responden, ketiga: analisis demografi responden dan ibu bapa responden. Dapatan dan analisis menunjukkan beberapa persamaan ciri-ciri yang dikenalpasti terdapat pada kebanyakan penghuni kedua-dua pusat bimbingan, antaranya: berasal daripada golongan berpendapatan rendah, penggunaan masa yang tidak berkualiti serta taraf pendidikan remaja dan ibu bapa yang rendah. Kajian ini mencadangkan usaha pelbagai pihak khususnya ibu bapa dan keluarga untuk mendidik remaja dengan nilai kehidupan yang baik sebagai kunci kepada pengurangan masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan mereka.

Kata kunci: demografi, remaja wanita bermasalah, Raudhatus Sakinah, Dar As-Sa'adah.

ABSTRACT

Moral Decadence is very alarming among youth and has relationship with youth demographic and their parents. Thus, this research is to analyse young female adolescents's characteristics in Raudhatus Sakinah and Dar As-Saadah in 2013 and 2014 who involved in moral decay as a way to curb this serious issue. This research is quantitative by using fieldwork research. The result of the study was analysed by using SPSS22 and descriptive analysis frequency and percentage. The research was conducted on 108 respondents. In regard of this, this study was divided into

¹Calon Doktor Falsafah (PhD), Pengajian Qur'an Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor. badriyah1089@gmail.com

²Calon Doktor Falsafah (PhD), Pengajian Qur'an Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor. farhahusman@gmail.com

³ Calon Doktor Falsafah (PhD), Pengajian Qur'an Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor. ahmadsitihawa@gmail.com

three parts; first, the demographics of the respondents (youth), second, demographics of youth's parents, third, analysis of the respondents and their parents's demographic. The result of the study found some similarities characteristics of both shelters, among them: came from low-income groups, the usage of non-quality time and low-level of education of adolescents and parents. In relation to this, the study suggested the efforts of various parties, particularly parents and families to educate young people with the good manners in order to reduce social issue among them.

Keywords: Moral Decadence, problematic female adolescents, Raudhatus Sakinah, Dar As-Sa'adah.

Pendahuluan

Menurut kamus dewan edisi keempat, demografi adalah kajian berdasarkan ciri-ciri perkembangan penduduk dari segi saiz, kepadatan taburan, kelahiran, kematian dan lain-lain. Di dalam kajian ini, istilah demografi yang digunakan pula merujuk kepada ciri-ciri remaja dan latar belakang mereka merangkumi butir-butir diri mereka dan keluarga.

Umum mengetahui bahawa remaja adalah penggerak utama kepada sesebuah masyarakat. Remaja yang baik bakal membina sebuah ketamadunan yang baik. Begitulah juga sebaliknya. Menurut Abd. Rahim (2006), remaja merupakan aset kekayaan semulajadi negara yang bakal terlibat dalam pembentukan dan kemajuan negara pada masa akan datang. Remaja adalah mereka yang bakal memainkan peranan dalam bidang politik, ekonomi dan kemasyarakatan.

Namun, dewasa ini para remaja kebanyakannya mengalami masalah sosial yang semakin membimbangkan. Menurut Zainudin & Norazmah (2011) pula, gejala sosial adalah sebuah fenomena modenisasi yang harus didepani oleh para remaja. Tambahan pula, zaman remaja merupakan satu peringkat pengembangan identiti seseorang insan. Kecelaruhan yang terhasil daripada kegagalan remaja mendepani krisis pengembangan identiti ini bakal menjadi punca kerugian kepada negara lantaran kerosakan aset yang berharga, iaitu remaja itu sendiri sebagai modal insan.

Menurut statistik polis yang dilaporkan melalui Utusan Malaysia bertarikh 20 September (2012), pada tahun 2015 sahaja, sebanyak 2,540 remaja lari dari rumah dengan teman lelakinya. 1857 dipengaruhi oleh rakan-rakan mereka 1592 melarikan diri dari rumah kerana masalah keluarga,

manakala seramai 1371 lari kerana mahu kebebasan. Lebih membimbangkan lagi, statistik mendedahkan bahawa daripada jumlah itu, bilangan tertinggi remaja yang lari dari rumah ialah berbangsa Melayu, berbanding dengan bangsa-bangsa lain.

Menurut statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, masalah gangguan mental dalam kalangan kanak-kanak daripada remaja Muslim telah meningkat daripada 11.9% pada tahun 1996 kepada 20.4% pada tahun 2006. Punca utama gangguan mental ialah konflik psikologi yang berpunca daripada keraguan kepada Tuhan dan gangguan yang berkaitan dengannya. Konflik tersebut berpunca daripada kekecewaan dan mencari kepuasan hidup.

Antara punca lain remaja muslim mengalami gangguan mental adalah salah faham tentang cinta, di mana banyak daripadanya melibatkan hubungan seksual yang terlarang sebelum perkahwinan. Hal ini adalah kerana mereka mengalami salah faham maksud cinta sejati yang membawa punca masalah pembuangan anak luar nikah di masjid, sungai, parit dan lain-lain.

Menurut laporan Sinar Harian bertarikh 26 November (2015), statistik polis Malaysia menunjukkan dua puluh enam kes berpunca daripada masalah pembuangan bayi pada tahun 2014. 80% daripadanya adalah berlaku di Selangor. Selain itu, kajian Zainudin & Norazmah (2011) di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka (2011) menunjukkan 39.8% remaja sekolah tersebut terlibat dalam salah laku seksual.

Oleh itu, pelbagai usaha telah diambil oleh pelbagai pihak khususnya kerajaan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Antara usaha yang diambil adalah dengan membina pusat-pusat pemulihan akhlak dan pusat bimbingan remaja seperti Dar As-Sa'adah. Terdapat juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang memikul tanggungjawab yang sama, iaitu dengan membina rumah bimbingan, antaranya Raudhatu Sakinah.

Tidak dapat dinafikan, terdapat pelbagai andaian mengenai ciri-ciri remaja yang mudah terdedah kepada masalah sosial. Walaupun kajian demografi tidak mampu menghuraikan persamaan ciri-ciri remaja bermasalah sebagai bukti konkrit kepada penentuan golongan berisiko terjebak dengan masalah sosial ini, tetapi menurut Azlina Muhammad (2012), demografi mampu menjadi kayu ukur kepada corak penularan gejala salah laku. Justeru, kajian untuk mendapatkan

demografi ataupun latar belakang remaja yang telah pun terlibat dalam masalah sosial ini menjadi satu kepentingan.

Kajian ini bertujuan mengkaji ciri-ciri penghuni dua pusat bimbingan wanita, Raudhatus Sakinah dan Dar As-Sa'adah melalui analisis demografi responden dan demografi ibu bapa responden. Penilaian ciri-ciri yang dimiliki oleh responden dianalisis melalui kajian terhadap;

- a) Demografi responden: umur, tempat tinggal, pencapaian akademik tertinggi, status perkahwinan dan pekerjaan.
- b) Demografi ibu bapa responden: umur, pekerjaan, status perkahwinan, pendapatan dan pencapaian akademik tertinggi.

Zainudin & Norazmah (2011) menyatakan bahawa latar belakang remaja merupakan antara penyumbang kepada keterlibatan mereka dalam masalah sosial. Menurut Arieff & Wardah (2006) pula, latar belakang keluarga menjadi penyumbang kepada keterlibatan remaja dalam permasalahan devian ataupun salah laku. Hal ini kerana majoriti remaja yang terlibat berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Kajian Barat juga menunjukkan bahawa keluarga merupakan antara penyumbang kepada masalah salah laku remaja. Antaranya, Mannes, et al. (2005) menyatakan bahawa remaja daripada keluarga berpendapatan rendah lebih cenderung kepada masalah sosial. Selain itu, Coleman & Cressey (1993) menyatakan bahawa status perkahwinan ibu bapa juga memberi kesan kepada kecenderungan remaja untuk terjebak dalam masalah sosial. Pernyataan-pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa masalah sosial berhubungkait dengan latar belakang remaja, keluarga dan persekitaran mereka.

Terdapat banyak kajian yang membincangkan mengenai remaja dan masalah sosial ini. Antaranya ialah kajian bertajuk keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga: isu dan cabaran oleh Hashim bin Haji Bedu et al. (2008). Hasil kajian menunjukkan terdapat empat penyumbang yang mendorong remaja terlibat dalam masalah sosial; perasaan ingin tahu, pengaruh rakan sebaya, media massa dan sikap keluarga.

Kajian mengenai latar belakang turut dibincangkan oleh Azlina Binti Muhammad (2012) di dalam disertasi sarjana beliau bertajuk penghuni Raudhatus Sakinah: kajian terhadap latar

belakang dan faktor salahlaku. Kajian tersebut merangkumi demografi penghuni, antaranya; umur, tahap pendidikan, pendidikan agama, pekerjaan responden, status perkahwinan ibu bapa responden, pekerjaan ibu bapa responden, bilangan adik-beradik, anak ke-berapa, keterlibatan responden dengan saudara-mara, kawasan kediaman dan jenis perumahan. Namun, kajian ini lebih memfokuskan terhadap faktor salahlaku penghuni Raudhatus Sakinah berbanding latar belakang mereka. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan penghuni bagi Raudhatus Sakinah sahaja dan tidak merangkumi penghuni Dar As-Sa'adah.

Azyyati Mohd Nazim et al. (2013) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk ciri-ciri remaja berisiko: kajian literatur. Kajian ini mengupas definisi remaja, faktor risiko dan solusi masalah ini. Menurut kajian ini, remaja berisiko ialah remaja yang terlibat dengan faktor-faktor risiko iaitu penglibatan dalam salah laku sosial seperti pelacuran, AIDS, ketagihan alkohol, pembuangan anak, rogol dan lain-lain di mana mengalami kesengsaraan dan mempunyai masalah emosi dan penyesuaian tingkah laku. Kajian ini menunjukkan bahawa remaja berisiko terlibat dalam institusi keluarga yang rosak, mempunyai status ekonomi yang rendah dan tidak mempunyai sokongan individu. Selain itu, faktor persekitaran yang bermasalah seperti keluarga yang tidak berfungsi dan masalah pendidikan akademik juga menyebabkan mereka menjadi remaja berisiko.

Sebuah kajian lain telah dijalankan di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka oleh Zainudin & Norazmah (2011) membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi remaja sehingga terlibat dalam masalah sosial. Kajian ini mengandungi dua bahagian utama: a) latar belakang responden, b) faktor yang mempengaruhi responden terlibat dalam masalah sosial. Sebanyak 86 responden menjadi sampel kajian. Demografi remaja yang terlibat dalam masalah sosial dan demografi ibu bapa mereka telah dibincangkan di bahagian satu kajian tersebut yang merangkumi umur, tahap pendidikan, pendapatan bersih bulanan ibu bapa atau penjaga dan tahap pendidikan ibu bapa atau penjaga.

Sebuah kajian lain yang berkaitan ialah kajian mengenai pengaruh media kepada sahsiah remaja bertajuk Media dan konstruk sosial: implikasi terhadap isu sosial remaja oleh Samsudin A. Rahim. Kajian ini mengupas perbezaan ciri-ciri remaja bermasalah dan devian yang dipengaruhi

oleh cara respon remaja tersebut dalam mengadaptasi dirinya terhadap persekitaran media, sama ada mereka mampu mengawal dirinya dalam mendepani media sosial yang negatif ataupun tidak. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa remaja yang lemah adalah yang tidak mempunyai persediaan dalam mendepani media sosial.

Melalui kajian-kajian berikut, terdapat beberapa dapatan yang menunjukkan pengaruh latar belakang remaja, ibu bapa dan keluarga menyumbang kepada keterlibatan remaja dalam masalah sosial. Terdapat persamaan ciri-ciri yang ketara antara remaja yang bermasalah ini. Justeru, kajian ini membahaskan tentang demografi penghuni pusat bimbingan bagi mendapatkan ciri-ciri remaja yang berisiko terjebak dalam keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja wanita di Malaysia supaya permasalahan yang berkaitan dengan risiko tersebut dapat dikurangkan sekaligus menjadikan masyarakat khususnya remaja bebas daripada masalah sosial.

Metodologi

a) Sampel dan metode pengumpulan data

Reka bentuk kajian: Kajian ini berbentuk deskriptif iaitu menggunakan kaedah soal selidik.

Pemilihan sampel dan lokasi: Pengkaji telah memilih penghuni Raudhatus Sakinah di seluruh cawangan di Malaysia, Selangor, Johor Bahru, Melaka, Kelantan dan Pulau Pinang dan penghuni Dar As-Saadah di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur sebagai responden, berjumlah 108 orang; seramai 85 orang merupakan penghuni Raudhatus Sakinah dan 23 orang merupakan penghuni Dar As-Saadah. Penghuni dua buah pusat bimbingan ini merupakan remaja wanita yang telah terlibat dalam masalah sosial dan menjalani sesi pemulihan di sana.

Pengumpulan data: Sebanyak 108 set soal selidik diedarkan dalam kelas yang telah disetkan oleh pihak pentadbiran pihak Raudhatus Sakinah dan Dar As-Saadah setelah mendapat kebenaran daripada pihak mereka.

Analisis maklumat yang diterima dilakukan secara kuantitatif. Analisis data merujuk kepada kekerapan, angka dan peratusan. Menurut Mohamad Najib (1999), analisis secara kuantitatif adalah bersesuaian dengan data yang dikumpulkan daripada soal selidik.

b) Instrumen

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik seperti yang digunakan oleh Zainudin & Norazmah (2011) di dalam Bahagian A kajian mereka, bertujuan mengetahui taburan responden, iaitu pelajar Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka dengan menggunakan set soal selidik yang merangkumi butiran diri reponden seperti; umur, tahap pendidikan, pendapatan bersih bulanan ibu bapa atau penjaga dan tahap pendidikan ibu bapa atau penjaga, beserta jawapan pilihan tertentu kepada responden, dengan menandakan pilihan jawapan yang merujuk kepada diri mereka dan ibu bapa. Azlina Muhammad (2012) turut menggunakan instrumen yang hampir sama bagi mengetahui latar belakang penghuni Raudhatu Sakinah. Data-data yang dikumpulkan di dalam kedua-dua kajian telah dianalisis menggunakan pengiraan kekerapan dan peratusan. Instrumen-instrumen ini diubahsuai mengikut kehendak kajian.

A. Demografi remaja.

1. Umur remaja.

Daripada jumlah seramai 108 responden, didapati bahawa usia penghuni yang paling ramai adalah antara 18-25 tahun (77 orang), di bawah 18 tahun (26 orang), dan 5 orang sahaja remaja perempuan berumur di atas 25 tahun. Menurut Azlina Muhammad (2012), umur responden yang mempunyai peratusan yang paling tinggi ialah 17, 19, dan 21 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti umur responden ialah dalam lingkungan 18-25.

2. Pendidikan remaja.

Jadual 1.1: Pendidikan remaja

Pendidikan	Kekerapan	Peratus
PMR dan kebawah	33	30.6
SPM	37	34.3
Diploma	14	13.0
Sijil	21	19.4
Ijazah	3	2.8
Total	108	100.0

Berdasarkan jadual 1.1 di atas, majoriti taraf pendidikan responden ialah pada tahap persekolahan, iaitu lepasan SPM dan PMR seramai 37 dan 33 orang. Namun demikian, terdapat 3 orang responden yang mempunyai ijazah terpengaruh dengan aktiviti salah laku walaupun pada asasnya mempunyai latar belakang akademik yang agak tinggi. Hasan Bahrom (2004) berkongsi

hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa majoriti remaja bermasalah sosial mempunyai latar belakang akademik hingga sekolah menengah sahaja.

3. Pekerjaan remaja.

Jadual 1.2: Pekerjaan remaja

Pekerjaan remaja	Kekerapan	Peratus
sektor awam	4	3.7
sektor swasta	15	13.9
sendiri	10	9.3
Tidak bekerja	42	38.9
Masih belajar	37	34.3
Total	108	100.0

Jadual 1.2 memaparkan pekerjaan responden sebelum mereka memasuki pusat bimbingan. Majoriti responden tidak pernah bekerja iaitu seramai 42 orang (38.9%) dan 37 orang yang masih belajar (34.3%). Manakala 15 responden bekerja dalam sektor swasta, 10 responden yang bekerja sendiri dan hanya 4 orang responden yang bekerja di sektor awam. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak bekerja sebelum menjadi penghuni pusat bimbingan sehingga mempunyai kecenderungan terlibat dalam salah laku kerana mereka mempunyai waktu lapang yang banyak. Hasil dapatan ini disokong oleh Azlina Muhammad (2012) dengan menunjukkan hasil temubual mengenai pengakuan responden yang tidak menguruskan masa lapang dengan baik sehingga terjebak dengan masalah sosial.

4. Status remaja.

Jadual 1.3: Status remaja

Status Remaja	Kekerapan	Peratus
Berkawin	1	0.9
Janda bercerai	25	23.1
Belum berkawin	78	72.2
Status tidak jelas	4	3.7
Total	108	100.0

Jadual 1.3 menunjukkan sebanyak 72.2% responden berstatus bujang ketika terlibat dalam masalah sosial. Manakala sebanyak 23.1% adalah responden yang berstatus janda. Responden yang telah berkahwin mempunyai peratusan yang paling rendah, iaitu sebanyak 0.9% sahaja. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada remaja yang masih bujang.

5. Tempat tinggal remaja.

Jadual 1.4: Tempat tinggal remaja

Tempat tinggal remaja	Kekerapan	Peratus
Rumah teres	35	32.4
Rumah flat	12	11.1
Rumah Banglo	10	9.3
Rumah kampung	46	42.6
Lain-lain	5	4.6
Total	108	100.0

Jadual 1.4 menunjukkan bahawa 42.6% responden tinggal di rumah kampung sebelum masuk ke pusat bimbingan. Seterusnya, sebanyak 32.4% responden yang tinggal di rumah teres. Hanya 11.1% sahaja responden yang tinggal di rumah flat dan hanya 9.3% sahaja yang tinggal di rumah banglo. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah mereka yang tinggal di rumah kampung dan rumah teres. Dapatan kajian Azlina Muhammad (2012) juga menunjukkan bahawa rumah kampung dan rumah teres mempunyai peratusan yang paling tinggi.

2) Demografi ibu bapa.

Daripada aspek latar belakang ibu bapa yang melibatkan: status perkahwinan, pekerjaan, pendidikan dan pendapatan mereka, didapati bahawa responden di Raudhatus Sakinah dan Dar As-Saadah ini mempunyai latar belakang yang pelbagai tetapi terdapat beberapa hasil dapatan yang hampir sama untuk dianalisis. Dapatan dibentangkan dalam jadual-jadual di bawah:

1. Usia ibu bapa.

Jadual 2.1: Usia bapa

Usia Bapa	Kekerapan	Peratus
Tiada maklumat	10	9.3
30-39	4	3.7
40-49	28	25.9
50-59	47	43.5
60 dan ke atas	19	17.6
Total	108	100.0

Jadual 2.1 menunjukkan bahawa usia bapa responden majoritinya dalam lingkungan antara 50-59 iaitu sebanyak 43.5%. Peratusan kedua tertinggi bagi umur bapa pula adalah lingkungan 40-49, iaitu sebanyak 25.9%. Selain itu, bapa responden yang berumur 30-39 menunjukkan peratusan yang rendah, iaitu sebanyak 3.7%. Bapa responden yang berumur lebih daripada 60 juga mewakili jumlah yang kecil iaitu dengan peratusan sebanyak 17.6% sahaja.

Jadual 2.2: usia ibu

Usia Ibu	Kekerapan	Peratus
Tiada maklumat	9	8.3
30-39	7	6.5
40-49	41	38.0
50-59	44	40.7
60 dan ke atas	7	6.5
Total	108	100.0

Jadual 2.2 menunjukkan bahawa usia ibu responden adalah dalam lingkungan antara 50-59 iaitu sebanyak 40.7%. Peratusan kedua tertinggi bagi umur ibu pula adalah dalam lingkungan 40-49, sebanyak 38%. Selain itu, ibu responden yang berumur 30-39 menunjukkan peratusan yang rendah, iaitu sebanyak 6.5%. Ibu responden yang berumur lebih daripada 60 juga hanya diwakili oleh kelompok yang kecil, dengan peratusan sebanyak 6.5% sahaja.

Hasil data di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai ibu bapa yang berusia antara 50-59. Responden yang mempunyai ibu bapa berumur di bawah 40-an dan juga melebihi 60-an adalah sangat sedikit.

2. Status perkahwinan ibu bapa.

Jadual 2.1: Status perkahwinan ibu bapa

	Kekerapan	Peratus
Tiada Maklumat	1	0.9
Berkahwin / masih bersama	75	69.4
Bercerai	11	10.2
kematian salah satu	12	11.2
ibu bapa berkahwin lain	7	6.6
yatim piatu	2	1.9
Total	108	100

Berdasarkan jadual 2.1, majoriti responden yang terlibat dalam masalah sosial berasal daripada institusi kekeluargaan yang lengkap, iaitu mempunyai ibu dan bapa. Hanya 11.2% responden yang kematian ibu ataupun bapa dan 10.2% responden sahaja yang mempunyai ibu bapa yang bercerai. Terdapat juga responden yang mempunyai ibu bapa yang berkahwin lain dan yatim piatu dengan peratusan yang paling rendah.

Namun begitu, pengkaji tidak menolak kemungkinan bahawa keluarga yang lengkap juga mempunyai masalah tersendiri seperti kurang masa berkualiti bersama, krisis kekeluargaan dan pengabaian tanggungjawab individu dalam keluarga. Dapatan kajian ini menyamai kajian Azlina Muhammad (2012), bahawa majoriti ibu bapa responden masih bersama. Beliau juga berpendapat bahawa kehadiran ibu bapa tidak menjamin anak-anak tidak terlibat dengan masalah sosial.

3. Pendidikan ibu bapa

Jadual 3.1: Pendidikan bapa

	Kekerapan	Peratus
Tiada	4	3.7
Tidak bersekolah	2	1.9
sekolah rendah	19	17.6
PMR	13	12.0
SPM	52	48.1
IPT	18	16.7
Total	108	100.0

Jadual 3.1 menunjukkan latar belakang pendidikan bapa. Peratusan tertinggi bagi pendidikan tertinggi bapa responden mempunyai sijil SPM, berjumlah 48.1%. Peratusan kedua tertinggi bagi pendidikan bapa pula adalah sekolah rendah dengan 17.6%. Peratusan ketiga tertinggi untuk bapa pula adalah IPT dengan 16.7%. Seterusnya jumlah bapa responden yang tidak bersekolah dan tiada pendidikan menunjukkan peratusan yang paling rendah.

Jadual 3.2: Pendidikan ibu

	Kekerapan	Peratus
Tiada	2	1.9
Tidak bersekolah	6	5.6
sekolah rendah	16	14.8
PMR	19	17.6
SPM	43	39.8
IPT	22	20.4
Total	108	100.0

Jadual 3.2 menunjukkan latar belakang pendidikan ibu. Data menunjukkan peratusan tertinggi bagi pendidikan tertinggi ibu responden ialah mempunyai sijil SPM, berjumlah 39.8%. Peratusan kedua tertinggi bagi pendidikan ibu pula adalah Institut Pendidikan Tinggi dengan 20.4%. Peratusan ketiga tertinggi untuk ibu ialah berkelulusan PMR. Seterusnya latar pendidikan ibu yang tidak bersekolah dan tiada pendidikan menunjukkan peratusan yang paling rendah.

Ini menunjukkan bahawa responden bermasalah mempunyai ibu bapa yang mempunyai asas akademik, sekurang-kurangnya bersekolah rendah dan menengah. Namun begitu, kebanyakan mereka tidak mempunyai taraf pendidikan akademik yang tinggi. Hasan Bahrom (2004) juga membuktikan bahawa majoriti penjaga responden yang bermasalah juvana adalah berpendidikan sekolah menengah.

4. Pekerjaan ibu bapa

Jadual 4.1: Pekerjaan bapa

	Kekerapan	Peratus
sektor awam	36	33.3
sektor swasta	17	15.7
bekerja sendiri	40	37.0
tidak bekerja	9	8.3
Tiada maklumat	6	5.6
Total	108	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan pekerjaan bapa. Data menunjukkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 37% ialah bekerja sendiri. Peratusan kedua tertinggi bagi pekerjaan bapa ialah berkhidmat di dalam sektor awam, sebanyak 33.3%. Peratusan bapa responden yang tidak bekerja adalah rendah iaitu hanya sebanyak 8.3% sahaja.

Jadual 4.2: Pekerjaan ibu

	Kekerapan	Peratus
sektor awam	18	16.7
sektor swasta	12	11.1
bekerja sendiri	22	20.4
tidak bekerja	51	47.2
Tiada maklumat	5	4.6
Total	108	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan pekerjaan ibu yang menunjukkan kebanyakannya tidak bekerja ataupun merupakan suri rumah, sebanyak 47.2 %. Peratusan kedua tertinggi bagi pekerjaan ibu ialah bekerja sendiri, iaitu sebanyak 20.4%.

5. Pendapatan ibu bapa.

Jadual 5.1: Pendapatan bapa

Pendapatan ibu bapa	Kekerapan	Peratus
Tiada maklumat	4	3.7
Bawah RM1000	38	35.2

RM1000-2000	32	29.6
RM2000-3000	18	16.7
RM3000-RM5000	10	9.3
Di atas RM5000	4	3.7
Tiada pendapatan	2	1.9
Total	108	100.0

Jadual 5.1 di atas menunjukkan bahawa majoriti bapa responden berpendapatan kurang daripada RM 1000, iaitu sebanyak 35.2%. Peratusan kedua tertinggi bagi pendapatan bapa ialah antara RM 1000 ke 2000 iaitu sebanyak 29.6%. Hanya 3.7% sahaja bapa responden yang berpendapatan lebih RM 5000.

Jadual 5.2: Pendapatan ibu

Pendapatan ibu bapa	Kekerapan	Peratus
Tiada maklumat	1	0.9
Bawah RM1000	41	38.0
RM1000-2000	13	12.0
RM2000-3000	10	9.3
RM3000-RM5000	9	8.3
Di atas RM5000	4	3.7
Tiada pendapatan	30	27.8
Total	108	100.0

Jadual 5.2 di atas menunjukkan bahawa majoriti ibu responden berpendapatan kurang daripada RM 1000, iaitu sebanyak 38%. Peratusan kedua tertinggi bagi ibu ialah mereka yang tiada pendapatan, iaitu sebanyak 27.8%. Berkongsi peratusan yang sama dengan pendapatan bapa, peratusan ibu responden yang berpendapatan lebih RM 5000 hanya 3.7% sahaja.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai ibu bapa yang berpendapatan rendah. Hasan Bahrom (2004) turut berkongsi dapatan kajian yang menunjukkan hampir 80% penjaga responden bermasalah juvana mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM 1000.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan umur responden ialah dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun. Taraf pendidikan akademik tertinggi bagi responden pula ialah

SPM dan kebanyakan mereka tidak bekerja selepas tamat pendidikan tersebut. Terdapat juga sebahagian besar responden terlibat dalam keruntuhan akhlak ketika mereka masih di alam persekolahan. Disebabkan taburan responden yang berada dalam peringkat umur dan tahap pendidikan ini, majoriti penghuni masih berstatus bujang. Seterusnya, majoriti responden sebelum ini menetap di rumah jenis kampung dan teres.

Berdasarkan demografi ibu bapa penghuni pula, usia kebanyakan mereka ialah antara 50 hingga 59 tahun serta majoriti mereka berpendidikan sehingga sekolah menengah. Majoriti bapa responden bekerja sendiri manakala ibu pula merupakan suri rumah. Oleh itu, pendapatan majoriti keluarga responden ialah kurang daripada RM 2000 sedangkan kebanyakan status ibu bapa responden masih tinggal bersama.

Berdasarkan dapatan di atas, antara ciri-ciri utama responden yang dapat dianalisis ialah: penggunaan masa yang tidak berkualiti kerana kebanyakan responden tidak meneruskan pengajian ataupun bekerja selepas tamat alam persekolahan. Tambahan pula, status mereka yang bujang berkemungkinan menyebabkan kurangnya komitmen yang serius kepada kelangsungan hidup untuk membentuk kehidupan yang lebih berkualiti. Jenis rumah yang dihuni oleh penghuni, sebelum masuk ke pusat bimbingan menunjukkan bahawa kebanyakan responden merupakan mereka yang tinggal di rumah jenis teres dan rumah kampung.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan keluarga responden adalah golongan yang menghadapi cabaran kewangan dan dibelenggu kemiskinan. Ibu bapa responden juga mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Walaupun rata-rata responden berasal daripada keluarga yang dibelenggu kemiskinan dan mempunyai ibu bapa yang berpendidikan rendah, pengkaji tidak menolak kemungkinan bahawa wujudnya remaja yang terlibat dalam masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan keluarga yang berkemampuan serta ibu bapa yang berpendidikan tinggi. Hal ini disebabkan secara logiknya golongan ini mampu untuk mencari solusi dan alternatif lain bagi permasalahan sosial anak mereka. Sebaliknya, golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana hampir tidak mempunyai pilihan selain daripada menghantar anak mereka ke pusat bimbingan dan pemulihan akhlak.

Di samping itu, dapatan ini jelas menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa responden bukan daripada mereka yang terlibat dalam perceraian. Oleh itu, kebanyakan responden mempunyai ibu bapa dan berasal daripada keluarga yang lengkap. Namun begitu, pengkaji tidak menolak kemungkinan berlakunya kepincangan dalam institusi kekeluargaan dan pengabaian tanggungjawab oleh anggota keluarga.

Oleh itu, kajian yang lebih meluas diperlukan bagi menentukan demografi remaja bermasalah yang tidak didaftarkan ke pusat pemulihan akhlak dan pusat bimbingan seperti Raudhatu Sakinah dan Dar As-Sa'adah ini, khususnya bagi remaja yang berasal daripada keluarga berkemampuan serta remaja-remaja yang melalui sesi kaunseling di sekolah-sekolah umumnya. Demografi remaja lelaki yang terlibat dalam keruntuhan akhlak juga boleh menjadi lapangan kajian yang baik untuk dikaji.

Bagi senarai demografi yang telah dianalisis terhadap responden, perhatian yang lebih teliti perlu dikhususkan kepada remaja yang mempunyai ciri-ciri seperti responden. Tindakan ini bertujuan mencegah sekaligus mengurangkan keterlibatan remaja dalam masalah sosial, antaranya pendedahan awal tentang pengurusan kualiti masa dan pembentukan masa hadapan yang cemerlang. Selain itu, keluarga boleh menerapkan asuhan agar remaja tidak membataskan ketenangan jiwa mereka kepada kepuasan material sebaliknya lebih menumpukan kepada kebahagiaan memiliki keluarga dan ibu bapa yang prihatin serta ikhlas berkasih sayang.

Usaha meningkatkan taraf kehidupan dan pendapatan keluarga masih juga perlu dipergiat. Namun begitu, taraf pendidikan akademik yang rendah ataupun pendapatan yang terbatas bukanlah alasan hilangnya keinginan dan usaha ibu bapa dan keluarga untuk menerapkan nilai yang baik kepada remaja agar mereka lebih menghargai kehidupan ini. Justeru, persediaan diri remaja perlu dititikberatkan oleh semua pihak sehingga matlamat mereka dalam kehidupan ini menjadi jelas sekaligus masalah sosial dapat dikurangkan.

Rujukan

Buku

Abd. Rahim Abd. Rashid. 2006. *Menangani Perkembangan Dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga*. Universiti Malaya : Pusat Pembangunan Keluarga.

Arieff Salleh & Wardah Mokhtar. 2006. *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Coleman, J. W. & Cressey, R.D. 1993. *Social Problem*. 5th. Ed. Harper Collins.

Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Jurnal

Azyyati Mohd Nazim, Fariza Mat Sham & Salasiah Hanin Hamjah. 2013. Ciri-ciri remaja berisiko: Kajian literatur. *Jurnal Islamiyyat*, Bil. 35, No.1, 111-119.

Fazilah Idris K.A Mastor, R. Ismail. 2013. The Understanding of love Amongst the Muslim Youth in Malaysia. *Research Journals of Applied Sciences, Medwell Journals*, ISSN 1815-932X.

Haris Abd Wahab. 2004. Masalah sosial di bandar Semenanjung Malaysia: tinjauan dari perspektif masyarakat Malaysia. *Jurnal Pengajian Jabatan Asia Tenggara (JATI)*, Vol. 9, 66.

Johari T. N, Yunus &. SNBM, Yacob. 2009. Characteristics of pregnant girls and men who fathered their children. *Pusat Pengajian Umum*, Research code: UKM11JC03-09.

Samsudin A. Rahim. *Jurnal Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*.

Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of education Psychology & Counseling* , Vol. 1, Mac, 115-140.

Tesis

Muhammad, A. (2012). *Penghuni Raudhatu Sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang Dan Faktor Salah Laku*. Universiti Malaya: Disertasi Ijazah Sarjana.

Internet

Tangani kes remaja lari rumah. HYPERLINK "<http://m.utusan.com.my/rencana/tangani-kes-remaja-lari-rumah-1.176509>" <http://m.utusan.com.my/rencana/tangani-kes-remaja-lari-rumah-1.176509>

Kes buang bayi. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/2014-26-kes-buang-bayi-dilaporkan-1.291594>

Prosiding

Hasan Baharom. (2004). Remaja, kemiskinan dan juvana suatu realiti. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*. Hotel City Bayview Langkawi, Kedah: Anjuran Jabatan Pengajian Umum Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.

Mannes, M. Roehlkepartain, E.C & Benson, P.L. 2005. Unleashing The Power Of Community To Streghten The Well-Being Of Children, Youth And Families: An Asset Building Approach. *Child Welfare League Of America*, 84 (2), 33-250.